

## SIARAN AKHBAR

SIARAN SERTA-MERTA

Hubungi: Tasha Sabapathy (Pemasaran & Komunikasi)

Telefon: 017-3359445

E-mel: [tasha@zerowastemalaysia.org](mailto:tasha@zerowastemalaysia.org) /  
[media@zerowastemalaysia.org](mailto:media@zerowastemalaysia.org)

## KOHORT 2 DILANCARKAN SUSULAN KEJAYAAN PELAKSANAAN PERINTIS SEKOLAH SISA SIFAR DI MALAYSIA

*Green Wira Programme yang memperkasakan pendidik tempatan dengan pengetahuan sisa sifar telah memulakan Kohort 2 dengan membuka pengambilan pemohon di Malaysia*



 **Green Wira  
Programme**

Working with local teachers to  
build Zero Waste schools

Brought to you by  Zero Waste  
Malaysia

In collaboration with  YAYASAN  
BURSA  
MALAYSIA  aws  pwc

Endorsed by the  
Ministry of Education Malaysia (KPM)

**SELANGOR (06/02/2025)** – Permohonan telah dibuka bagi program anjuran Pertubuhan Sisa Sifar Malaysia (ZWM), inisiatif mendidik-pendidik - Green Wira Programme (GWP) Kohort 2.0- dengan kerjasama Yayasan Bursa Malaysia dan PwC Malaysia. Susulan kejayaan program rintis pada 2024 yang telah memperkasakan 50 pendidik Malaysia, melaksanakan 3 projek Sekolah Sisa Sifar, dan memenangi [anugerah antarabangsa](#), Kohort 2.0 adalah diperakui oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), yang akan menyasarkan 300 pendidik Malaysia. Permohonan bagi pendidik untuk menyertai program ini dibuka sehingga 31 Mac 2025.

GWP merangkumi kursus pendidikan atas talian yang boleh dilaksanakan mengikut rentak pendidik sendiri, peluang mengikuti bengkel fizikal, serta peluang menerima pendanaan awal projek sehingga **RM30,000** dan sokongan pelaksanaan untuk menjalankan projek sisa sifar di sekolah masing-masing. Berbeza dengan Kohort Rintis di mana hanya terbuka kepada pendidik di sekitar Lembah Klang, Kohort 2 adalah terbuka kepada guru

sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia. Pendidik Malaysia digalakkan untuk merebut peluang ini sebagai pembangunan karier profesional dan peluang untuk menonjolkan sekolah yang mereka wakili. Pendidik dari kohort rintis kami telah menerima banyak pengiktirafan semenjak kejayaan penamatan program termasuk sebutan media, temu bual dan anugerah. Pendidik sekolah kerajaan dalam program akan berhak menuntut mata SPLKPM. *“GWP menjadikan ZERO ke HERO. Ia adalah program yang sangat berkuasa dengan proses pembelajaran yang menyeronokkan. Saya belajar banyak pengetahuan baru untuk menjadikan sekolah saya sisa sifar melalui GWP dan saya bangga sebagai Green Wira (HERO) guru.”* menurut Cikgu Lee Kin Wai yang mengetuai [Snacky Box, sebuah projek penyewaan bekas makanan guna semula](#), di SJKC Serdang Baru 2 melalui program rintis kohort GWP.

Dr. Hezri Adnan, Pengarah Kelestarian Kumpulan, Bursa Malaysia memetik *“Kami bangga bekerjasama dengan Pertubuhan Sisa Sifar Malaysia dalam Green Wira Programme 2.0. Inisiatif ini seiring dengan komitmen Bursa Malaysia untuk memperjuangkan kelestarian alam sekitar. Dengan memperkasakan guru - nadi sistem pendidikan kita - kita mengambil langkah bermakna ke arah memupuk budaya sisa sifar di kalangan belia, membentuk masa depan yang lebih mampan. Kami teruja untuk menyaksikan pendidik di negara untuk menyertai program berimpak ini. Kami amat menggalakkan anda untuk memohon.”*

Permohonan kini terbuka bagi guru sekolah rendah dan sekolah menengah termasuk Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan (SJKC/SJKT), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK/SMJK), Swasta, dan Sekolah Antarabangsa. Untuk memohon GWP, pendidik dikehendaki untuk mengisi borang ini (<https://bit.ly/gwp2register>) dan lampirkan Surat Sokongan daripada guru besar/pengetua mereka.

Untuk maklumat lanjut mengenai GWP termasuk syarat-syarat dan terma, tiga fasa pelaksanaan program, dan lain-lain, sila rujuk pautan berikut untuk Halaman Web Maklumat Program, atau wakil media boleh menghubungi [media@zerowastemalaysia.org](mailto:media@zerowastemalaysia.org) (WhatsApp ke +60173359445).

**Untuk bahan pemasaran rasmi & gambar hasil kerja ZWM terdahulu, sila klik [sini](#).**

#### **ABOUT ZERO WASTE MALAYSIA**

Established in 2016, Zero Waste Malaysia (“ZWM”) is a non-profit organisation and community group based in Malaysia advocating for sustainable development and aiming to increase the local community’s awareness of sustainable living. Learn more about the cause at <https://zerowastemalaysia.org>.

#### **ABOUT YAYASAN BURSA MALAYSIA**

Building a more equitable society requires collective action from everyone. We at Bursa Malaysia recognize the importance of giving back to local communities to create wide-ranging benefits for all. Our community investment initiatives are primarily undertaken through our charitable arm, Yayasan Bursa Malaysia (YBM). For more information about Yayasan Bursa Malaysia, visit:

[https://www.bursamalaysia.com/about\\_bursa/sustainability/yayasan-bursa-malaysia/overview](https://www.bursamalaysia.com/about_bursa/sustainability/yayasan-bursa-malaysia/overview)

#### **ABOUT PwC MALAYSIA**

Our sustainability and climate change advisory practice was established in Malaysia in 2007. Drawing on our deep expertise, our team serves clients ranging from governments, businesses and global institutions, helping them address their most complex challenges around people, planet and performance. For more information about PwC Malaysia, visit:

<https://www.pwc.com/my/en/services/sustainability.html>

